



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

2024 - 2026

**CETAKAN PERTAMA 2023  
HAK CIPTA LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN  
NEGERI TERENGGANU (LTAWNT)**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

Diterbitkan Oleh:  
Unit Integriti  
Lembaga Tabung Amanah  
Warisan Negeri Terengganu  
No 61 & 62,  
Paya Keladi, Jalan Banggol,  
20100 Kuala Terengganu

Dicetak Oleh:  
Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd  
Lot Sk. 53, Kawasan Perindustrian Gong Badak  
21300 Kuala Nerus

# ISI KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	1
Amanat Kepimpinan	2
Akronim	4

01

<b>PENGENALAN</b>	
Latar Belakang	5
Visi & Misi LTAWNT	5
Isu & Cabaran	6
Penilaian Risiko	6
Bidang - Bidang Berisiko	7
Pelaksanaan Dasar Integriti	8

## PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Visi dan Misi OACP	9
Bidang Keutamaan	9
Keutamaan Strategi	10
Inisiatif Bidang Keutamaan	12

02

03

<b>MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH</b>	
Mekanisme Pelaksanaan	19
Mekanisme Pemantauan	20
Mekanisme Pelaporan	21
Mekanisme Penilaian	22

## KESIMPULAN

Kesimpulan	23
Penghargaan	24
Jawatankuasa Kerja OACP LTAWNT	25

04



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) seiring dengan pelaksanaan OACP Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (PSUK) dan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 untuk meningkatkan integriti, tanggungjawab dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan.

Dokumen ini menggariskan tiga bidang keutamaan yang memayungi beberapa objektif strategi dan pelan tindakan secara keseluruhannya. Setiap pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemeraksaannya pencegahan rasuah. Pembangunan OACP LTAWNT diharap berupaya membantu membentuk kakitangan LTAWNT yang berperibadi mulia, berintegriti dan bebas rasuah.

# AMANAT KEPIMPINAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LTAWNT 2024 – 2026. Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) ini merupakan bukti kepada keseriusan manifestasi dari komitmen LTAWNT dalam memastikan LTAWNT bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi negatif kepada LTAWNT.

Pelan yang telah dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana ianya telah mengambil kira risiko – risiko kelemahan dan ketirisan dalam aspek tadbir urus, integriti dan rasuah di LTAWNT. Semua pihak di LTAWNT bertanggungjawab untuk memastikan inisiatif – inisiatif dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Kerjasama dan sokongan semua pihak merupakan kunci utama bagi mencapai keberhasilan yang dihasratkan. Sehubungan itu, saya menyeru semua kakitangan LTAWNT menyemai iltizam tinggi untuk memastikan setiap dalam diri kita mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri – ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

Adalah menjadi harapan saya agar Pelan OACP LTAWNT 2024 – 2026 ini mendapat sokongan semua peringkat agar dapat membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan elemen ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam membangunkan pelan ini. Saya percaya melalui Pelan OACP 2024 –2026 ini, misi dan visi OACP LTAWNT dapat direalisasikan dengan berpaksikan prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan toleransi sifar terhadap rasuah.

Sekian Terima kasih

YB DATO' NARA SETIA  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) berjaya membangunkan Organizational Anti – Corruption Plan (OACP) LTAWNT 2024 – 2026 yang menyeluruh dan mencakupi semua aspek.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan OACP ini. Saya berbesar hati dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama yang erat daripada kakitangan LTAWNT dalam menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjayakan dasar antirasuah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan pada awal tahun 2019 dan sekali gus menyambut saranan Yang Berhormat Mulia Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Matlamat pelan ini juga adalah selaras dengan objektif NACP iaitu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekali gus menghapuskan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

OACP LTAWNT 2024 – 2026 ini dihasilkan dengan komitmen berterusan daripada semua unit dan seksyen di LTAWNT untuk memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan kakitangan melalui pelaksanaan tindakan mencegah dan proaktif sepertimana yang digaris di bawah pelan tersebut.

Justeru, dengan adanya OACP LTAWNT ini, seluruh kakitangan diseru untuk bersama – sama memastikan semua kakitangan LTAWNT bebas daripada amalan rasuah. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus, operasi dan kewangan dapat ditambah baik bagi memperlihatkan kakitangan LTAWNT berintegriti tinggi.

Melalui pelaksanaan pelan ini, kita perlu peka dan sentiasa memantau pelaksanaan program dan inisiatif yang telah ditetapkan. Setiap perkara mempunyai kepelbagaian inisiatif dan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan impak keberhasilan yang signifikan. OACP 2024-2026 ini akan menjadi wadah dan manifestasi oleh kakitangan LTAWNT terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab dan memberi komitmen penuh dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Akhir kata, saya menyeru seluruh kakitangan LTAWNT agar kita sama-sama dapat menghayati setiap inti pati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzhahirkan setiap teras dan strategi yang telah dibangunkan bagi memacu LTAWNT ke arah menjadi sebuah badan berkanun negeri yang sentiasa progresif dan berdaya saing.

Sekian,

ENCIK NOR AZAM BIN A. RAHMAN @ YUSOF  
SETIAUSAHA  
LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU



# Akronim

LTAWNT	- LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU
OACP	- ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
NACP	- NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
JAR	- JAWATANKUASA ANTI RASUAH
UI	- UNIT INTEGRITI
CRM	- CORRUPTION RISK MANAGEMENT
CRA	- CORRUPTION RISK ASSESSMENT
ISO	- INTERNATIONAL ORGANIZATION FOR STANDARDIZATION
COBE	- CODE OF BUSINESS ETHICS
PSUK	- PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
SPRM	- SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
IIM	- INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
ABMS	- ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM
IBR	- IKRAR BEBAS RASUAH
CEIO	- PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH



**"JANGAN SESEKALI PERNAH TAKUT UNTUK  
MENCUBA, KERANA TANPA MENCUBA KITA  
TIDAK AKAN PERNAH MERASAKAN  
KEBERHASILAN"**

**1**

**PENGENALAN**



## MENGENAI LTAWNT

Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) ditubuhkan melalui Enakmen Bil. 2 Tahun 1990. Ia dipinda seterusnya pada tahun 1996 melalui Enakmen Bil. 1 Tahun 1996.

### VISI

Menyumbang kepada pendapatan dan pembangunan negeri melalui pengurusan berstrategik harta dan dana tabung.

### Struktur LTAWNT terbahagi kepada tujuh (7) unit iaitu

- Unit Pengurusan Pentadbiran
- Unit Integriti
- Unit Audit Dalam
- Unit Undang – Undang
- Unit Pengurusan Kewangan
- Unit Pengurusan Harta
- Unit Pengurusan Projek

### MISI

Mengurus pemeliharaan (preservation) dan pertumbuhan (growth) harta dan dana secara berkesan bagi pulangan maksimum.

# PENILAIAN RISIKO

---

---

## ISU DAN CABARAN



**Kelemahan sistem pentadbiran**



**Konflik kepentingan**



**Penglibatan Politik**



**Kelemahan Kawalan Dalaman**

Unit Integriti LTAWNT telah menganjurkan Bengkel Analisis Data Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LTAWNT 2024-2026. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menentukan konteks dan mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah yang berpotensi berlaku di LTAWNT.

Maklumat yang diperolehi adalah menerusi Borang Daftar Risiko yang dianalisa oleh setiap pegawai bagi menentukan risiko yang sedang/telah/akan berlaku. Maklumat analisis berkenaan telah digunakan untuk menentukan inisiatif, agensi peneraju dan tempoh masa pelaksanaan inisiatif.



# BIDANG - BIDANG BERISIKO

BERDASARKAN PENILAIAN RISIKO YANG TELAH DIANALISA, TIGA (3) BIDANG UTAMA YANG TELAH TERDEDAH KEPADA RISIKO TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DI LTAWNT TELAH DIKENALPASTI IAITU :-



## TADBIR URUS

Tadbir urus yang baik dapat membantu memastikan LTAWNT menggunakan peruntukan dengan cekap dengan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak dalam pelaksanaan operasinya. Struktur tadbir urus yang baik juga bergantung kepada pengurusan organisasi yang telus dan berkesan. Tadbir urus yang lemah akan menjejaskan usaha pembangunan organisasi dan kepercayaan pelanggan dan pihak berkepentingan LTAWNT.

## KEWANGAN

Prosedur kewangan dan perolehan seringkali terdedah kepada risiko ketirisan dan rasuah yang mana akan menyumbang kepada kerugian perbelanjaan peruntukan, sumber tenaga serta pembaziran masa pelaksanaannya di LTAWNT.



## OPERASI

Aktiviti operasi adalah merupakan nadi utama kepada LTAWNT yang memerlukan ketelusan dalam memastikan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan adalah bebas daripada unsur-unsur korupsi, pematuhan kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur serta tatakelola yang baik adalah antara kunci kepada kelancaran perkhidmatan yang ditawarkan. Antara isu-isu yang dikenalpasti adalah campur tangan pihak luar dalam urusan pentadbiran, tahap kawalan dan keselamatan, serta penyampaian perkhidmatan dan pengurusan di LTAWNT.

# PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI

01

## **Ikrar Bebas Rasuah**

Program ini dijalankan secara berkala bagi memastikan setiap kakitangan LTAWNT tidak terkecuali dalam IBR ini.

02

## **Pegawai Integriti Bertauliah**

Penglibatan pegawai dihantar untuk menghadiri kursus Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Pegawai CeIO anjuran SPRM ditugaskan untuk mengawal selia hal-hal berkaitan integriti dalam organisasi.

03

## **Pengurusan Aduan**

Unit Integriti menjalankan tanggungjawab menguruskan pengurusan aduan bagi melaporkan salah laku melibatkan pegawai berkaitan integriti, tadbir urus dan rasuah

04

## **Program Integriti**

LTAWNT melaksanakan pelbagai program integriti secara berkala.

05

## **Polisi Hadiah**


Polisi ini dibangunkan sebagai salah satu usaha untuk memerangi rasuah, salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini juga menjadi panduan untuk mengendali, melaksanakan dan mentadbir urus perkara yang berkaitan integriti dan anti rasuah.

*"JIKA SATU MIMPI JATUH DAN PECAH  
MENJADI RIBUAN KEPING, JANGAN PERNAH  
TAKUT UNTUK MENGAMBIL SALAH SATU  
DARI KEPINGAN ITU DAN MULAI LAGI"*

2

**PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS,  
INTEGRITI DAN ANTIRASUAH**





## **VISI**

Ke arah menjadi sebuah organisasi yang telus, berintegriti dan bebas rasuah.

## **MISI**

Memantapkan kecekapan, ketelusan, akauntabiliti serta mengukuhkan moral dan integriti kakitangan LTAWNT.

### **BIDANG KEUTAMAAN**

---

TADBIR URUS

---

KEWANGAN

---


OPERASI



**BIDANG  
KEUTAMAAN**



**STRATEGI**



**OBJEKTIF  
STRATEGI**

# KEUTAMAAN STRATEGI

## TADBIR URUS

Memperkasakan pentadbiran organisasi ke arah proses pengurusan harta tabung yang lebih cekap dan terurus.

Mengukuhkan pengurusan pentadbiran ke arah tadbir urus organisasi yang lebih produktif dan efisien

Mengukuhkan akauntabiliti pengurusan pentadbiran dan kumpulan syarikat

Memperkuatkan pengurusan perolehan, aset alih dan pengurusan pembangunan teknologi maklumat organisasi

Memastikan pengamalan keutuhan integriti dalam tadbir urus organisasi

Memperkasakan pengurusan perundangan organisasi dan melindungi kepentingan organisasi mengikut luns peruntukan undang-undang

Mempertingkatkan tadbir urus yang cekap dan berkesan melalui pengamalan profesionalisme yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan

## KEWANGAN

Memperkasakan organisasi dalam proses kewangan dan perolehan

Mengukuhkan pengurusan pembayaran dan tuntutan ke arah tadbir urus yang baik

Mengukuhkan akauntabiliti pengurusan peruntukan dan hasil

Meningkatkan ketelusan, mengurangkan risiko rasuah dan penyelewengan berkaitan kewangan

Meningkatkan pengurusan kewangan mengikut prosedur kewangan

Mengukuhkan pengurusan kewangan melalui pelaksanaan latihan integriti dan tadbir urus


## OPERASI

Mempertingkatkan pengurusan hartanah dengan pulangan maksimum setiap tahun

Memantapkan pengurusan projek dan penyelenggaraan bangunan dengan memperkasakan perolehan

Memantapkan pengurusan hartanah melalui penambahbaikan prosedur yang berkaitan

Mengukuhkan pengurusan operasi secara keseluruhan melalui pelaksanaan latihan



## KOMPLEKSITI

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif



## IMPAK

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

## BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

STRATEGI : MEMPERKASAKAN PENTADBIRAN ORGANISASI KE ARAH PROSES PENGURUSAN HARTA TABUNG YANG LEBIH CEKAP DAN TERURUS.

BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
1	Menambahbaik pengurusan latihan yang lebih efektif kepada kakitangan	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	A
2	Pemantauan yang efisien bagi memastikan aliran kerja berjalan dengan lancar	Unit Audit Dalam	Januari 2024 - Disember 2026	A
3	Menambahbaik prosedur kerja melalui pelaksanaan ISO 9001:2015	Semua Unit	Januari 2024 - Disember 2026	B

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

BIL	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
4	Memastikan setiap kakitangan melafazkan Ikrar Bebas Rasuah.	Unit Integriti	Januari 2024 - Disember 2026	A
5	Mewujudkan polisi <i>Code of Business Ethics</i> (COBE)	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	B
6	Meningkatkan komunikasi bagi tindakan penguatkuasaan undang-undang dan pematuhan kepada terma perjanjian melibatkan kakitangan dan pihak luar	Unit Undang - Undang	Januari 2024 - Disember 2026	A
7	Melakukan semakan ke atas rekod pendaftaran aset alih	Seksyen Pengurusan Aset Alih	Januari 2024 - Disember 2026	A
8	Pemeriksaan Aset Alih - semakan silang dilakukan dan melakukan penyusunan semula bagi aset yang dikenalpasti	Seksyen Pengurusan Aset Alih	Januari 2024 - Disember 2026	B

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

BIL	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
9	Pembentangan laporan penyelenggaraan aset alih dari semua unit setiap suku tahun	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	A
10	Pusingan kerja bagi jawatan berisiko tinggi (Pegawai Perolehan) dan ahli jawatankuasa perolehan secara berkala	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	B
11	Challenge session melibatkan ketua jabatan dan pegawai penilai	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	B
12	Mewujudkan Kod Etika pekerja	Unit Integriti	Januari 2024 - Disember 2026	B

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

## BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN

STRATEGI : MEMPERKASAKAN ORGANISASI DALAM PROSES KEWANGAN DAN PEROLEHAN

BIL	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
1	Menyediakan kawalan penggunaan belanjawan menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu	Unit Kewangan	Januari 2024 - Disember 2026	A
2	Meningkatkan kesedaran dan memperkukuh kefahaman kakitangan terhadap integriti melalui latihan	Unit Integriti	Januari 2024 - Disember 2026	B
3	Menguatkuasakan tindakan menyenarai hitamkan pembekal yang membuat tuntutan palsu	Semua unit	Januari 2024 - Disember 2026	B

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

BIL	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
4	Mengenakan tindakan tatatertib ke atas pegawai yang melanggar prosedur kewangan	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	C
5	Meningkatkan komunikasi dalam hebahan proses pembayaran	Seksyen Teknologi Maklumat	Januari 2024 - Disember 2024	C

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

## BIDANG KEUTAMAAN: OPERASI

STRATEGI : MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN HARTANAH DENGAN PULANGAN MAKSIMUM SETIAP TAHUN

BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
1	Menambahbaik Sistem Pengurusan Aduan dalam penyimpanan rekod.	Seksyen Teknologi Maklumat	Januari 2024 - Disember 2024	A
2	Menambahbaik sistem pengurusan latihan dalam penyampaian maklumat kepada kakitangan	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2026	A
3	Memperkukuh pemantauan dan penelitian oleh pegawai atasan	Unit Pengurusan Projek dan Unit Pengurusan Harta	Januari 2024 - Disember 2024	A

# INISIATIF DAN PELAN STRATEGIK OACP LTAWNT

BIL.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH	KUADRAN
4	Menguatkuasakan pendaftaran bayaran berkala untuk tujuan rekod.	Unit Pengurusan Projek dan Unit Kewangan	Januari 2024 - Disember 2024	A
5	Memperkukuh pengetahuan pegawai dengan latihan teknikal	Seksyen Khidmat Pengurusan	Januari 2024 - Disember 2024	C
6	Mewujudkan prosedur permohonan hakmilik atau pajakan atau sewaan tanah	Unit Pengurusan Harta	Januari 2024 - Disember 2025	A
7	Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Projek Usahasama	Unit Pengurusan Harta	Januari 2024 - Disember 2024	C

***“MASA LEBIH BERTARAF DARI  
DARIPADA  
WANG. ANDA BOLEH MENCARI LEBIH  
BANYAK WANG TETAPI ANDA TIDAK  
DAPAT MENCARI LEBIH BANYAK MASA”***

**3**

**MEMPERKASAKAN USAHA  
PENCEGAHAN RASUAH**



# MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan Pelan OACP LTAWNT akan melibatkan semua kakitangan LTAWNT bagi memastikan semua inisiatif yang telah dikenalpasti dapat dilaksanakan dengan merangkumi setiap aspek bagi memastikan kejayaan pelan ini. LTAWNT juga perlu menunjukkan teladan yang baik dalam kalangan masyarakat dan pihak berkepentingan berhubung larangan salah laku dalam sebarang aktiviti dan menerajui semua usaha meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah.

# MEKANISME PEMANTAUAN

## **Peneraju inisiatif unit perlu melaksanakan pemantauan**

1


- Melaksanakan inisiatif-inisiatif dalam OACP berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
- Membincangkan laporan pelaksanaan, pemantauan dan penilaian OACP LTAWNT dalam Mesyuarat JAR.
- Menyediakan pelaporan hasil pelaksanaan OACP kepada JAR Kerajaan Negeri Terengganu setiap tiga (3) kali setahun.

## **Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan OACP selaku urus setia induk OACP perlu melaksanakan penyelarasan**

2

- Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP.
- Melaporkan status pelaksanaan OACP kepada Ketua Jabatan dan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah sekurang - kurangnya setahun sekali.
- Melaporkan status pelaksanaan OACP pada setiap Mesyuarat Pengurusan LTAWNT (jika perlu).
- Mengemukakan laporan tiga (3) kali setahun kepada JAR Kerajaan Negeri Terengganu.

# MEKANISME PELAPORAN



04

**JAR Kerajaan Negeri  
Terengganu**

Pelaporan diserahkan tiga (3) kali setahun.

03

**Ahli Lembaga Pengarah**

Pelaporan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya setahun sekali.

02

**Ketua Jabatan**

Pelaporan dibentangkan kepada Ketua Jabatan sekurang-kurangnya setahun sekali.

01

**Unit Integriti**

- Pemantauan dilakukan setahun sekali.
- Pelaporan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan (jika perlu).

## **MEKANISME PENILAIAN**

**1**

MENGENAL PASTI KEKUATAN  
DAN KELEMAHAN SETIAP  
INISIATIF.

**2**

MENILAI SAMA ADA INISIATIF YANG  
MENYOKONG STRATEGI TERSEBUT  
BERORIENTASI MATLAMAT YANG  
HENDAK DICAPAI.

**3**

MEMASTIKAN BAHAWA INISIATIF  
DILAKSANAKAN SEBAGAIMANA  
YANG DIRANCANG.

**4**

MEMBERIKAN MAKLUM BALAS  
YANG BERSESUAIAN  
BERDASARKAN SITUASI APABILA  
DIPERLUKAN.

**“MENGETAHUI TIDAK CUKUP, KITA MESTI  
BERTINDAK. KEINGINAN TIDAK CUKUP,  
KITA MESTI BERUSAHA”  
– JOHANN WOLFGANG VON GOETHE**

# 4

## KESIMPULAN



# KESIMPULAN

Dalam rangka LTAWNT menuju ke arah sebuah agensi badan berkanun negeri yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi, LTAWNT sentiasa komited untuk memantapkan pengukuhan integriti dan mengambil tindakan pencegahan rasuah secara berterusan serta berusaha untuk membanteras perlakuan rasuah daripada terus berleluasa dalam organisasi.

Rasuah yang telah menjadi api dalam sekam hendaklah segera dipadamkan melalui langkah – langkah pencegahan dan tindakan tatatertib yang holistik sama ada melalui penguatkuasaan undang – undang, pengukuhan integriti dan pemantapan tadbir urus. Justeru itu, melalui OACP LTAWNT, inisiatif berserta strategi utama telah digariskan bagi membendung masalah rasuah dan salah laku integriti yang wujud dalam LTAWNT.

OACP akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya setiap masa. Oleh itu, maklum balas secara berterusan daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan ianya kekal relevan dan memenuhi kehendak semasa.

Secara keseluruhannya, kejayaan dan keberkesanan OACP ini amat bergantung penuh kepada komitmen dan kesepakatan keseluruhan kakitangan LTAWNT.

# PENGHARGAAN

- KONSULTAN, INSTITUSI INTEGRITI MALAYSIA, IIM
- AHLI JAWATANKUASA KERJA OACP LTAWNT

# JAWATANKUASA KERJA OACP LTAWNT



**NOR AZAM BIN A. RAHMAN @  
YUSOF**

**SETIAUSAHA  
LTAWNT**



**MOHAMMAD NAZIRUL  
AZFAR BIN  
KAMARUDIN**



**NURUL FATIAH BINTI  
MAT ZAIZAIT**



**NUR 'AIN KAMALEINA  
BINTI OMAR**



**Ts. MOHD SYAFIQ  
AZLYSHAM BIN ARIFFIN**



**ROSLIN BIN  
OMAR**



**MURNI BINTI  
TALIB**



**MOHD RIDZUAN  
BIN MUHD DIAH**



**NAJIAH BINTI  
AZMAN**



**MOHD SHAHRUL NIZAM  
BIN RAZLAN**



**WAN FARIAH BINTI W  
ABD RAHMAN**



**KHAYATUL MAQI AL  
HASYIMI BIN JAWAHIR**



**SITI AMIRA BINTI  
WAHAB**



**NURUL SHUHADA  
BINTI MD AMIN**



**ZA'TUL NAJAHAH BINTI  
MOHAMED**



**AHMAD SYIFAA' BIN  
MOHAMMAD NORIZAN**



**MOHD KHAIRIL AFIQ BIN  
ABDUL RASID**



**SHARIFAH SHAKIRAH  
BINTI SYED HASSAN**



**MOHAMAD ALAUDDIN  
ADLI BIN JAMIL**



**MUHAMAD AKID AKRAM  
BIN MD. ZULFAUZI**



**MUHAMMAD AIMI BIN  
KHAMARUDDIN**



**NURUL NABILA BINTI MOHD  
RAOS @MOHD RAIS**

